



Gabung kepakaran kaji risiko bencana geologi seluruh negara

Oleh [M Hifzuddin Ikhsan](#) - September 4, 2021 @ 3:03pm

hifzuddin@mediaprima.com.my

YAN: Kerajaan sedia menggabungkan kepakaran dari dalam dan luar negara bagi menubuhkan pasukan khas mengkaji lokasi berisiko berlaku bencana geologi serta tanah runtuhan di seluruh Malaysia.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan, berkata penubuhan pasukan khas yang masih pada peringkat perbincangan itu bakal dibawa segera ke Kabinet bagi mendapatkan kelulusan.

Beliau berkata, ketika ini setiap kementerian dan agensi mempunyai kepakaran masing-masing yang boleh diintegrasikan bagi mengumpul data serta maklumat berkaitan perlindungan keselamatan bencana.

"Saya bercadang mengumpulkan secara integrasi pakar dalam kita terutama ahli geologi, pakar air dan kejuruteraan daripada agensi seperti Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Jabatan Kerja Raya (JKR) dalam pasukan khas.

"Kita juga mungkin boleh mendapatkan pandangan pakar luar negara yang berpengalaman dan mereka boleh bertindak bersepada dalam mencari penyelesaian terbaik membantu negara menghadapi bencana pada masa depan," katanya selepas melawat lokasi tanah runtuhan dan aliran puing Gunung Jerai, di sini, hari ini.

Turut hadir, Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Awang Hashim; Ahli Parlimen Jerai, Sabri Azit; Ketua Pengarah JMG, Hisamuddin Termidi dan Pengarah JMG Kedah/Perlis/Pulau Pinang, Abdullah Sulaiman.

Dalam kejadian 18 Ogos lalu, berlaku bencana kepala air dan banjir lumpur yang menjelaskan kira-kira 1,000 penduduk di kaki Gunung Jerai terutama di Yan, Gurun dan Merbok di Kuala Muda.

Mengulas kejadian itu, Takiyuddin berkata, pihaknya mencadangkan pembangunan satu sistem amaran awal pemantauan dan pengesahan tanah runtuhan di Gunung Jerai demi keselamatan penduduk.

"Berdasarkan taklimat diberikan, kita perlu ada langkah berhati-hati supaya jika berlaku lagi bencana, jadi orang ramai terutama penduduk sekitar dapat mengambil tindakan awal berdasarkan petunjuk awal.

"Sistem amaran lebih canggih akan disediakan kerajaan, namun bagi langkah awal kita letakkan tolok hujan di lokasi sekitar Gunung Jerai bagi mengesan jika berlaku taburan hujan lebih tinggi sebagai persediaan awal menghadapi banjir," katanya.

Sementara itu, Takiyuddin berkata, kerja pembaikan kerosakan di Taman Eko Rimba (TER) Titi Hayun, Batu Hampar dan Air Terjun Seri Perigi, dijangka mengambil masa dua bulan untuk disiapkan sepenuhnya.

"Kerja baik pulih TER yang menjadi tarikan pelancongan akan dibuat segera dan taman berkenaan dijangka dibuka semula bermula Disember ini.

"Kerajaan juga akan memastikan Kawasan Hutan Simpanan Kekal Gunung Jerai diklasifikasi sebagai hutan perlindungan kerana ia turut menjadi kawasan tадahan air bagi kegunaan penduduk sekitar," katanya.



Takiyuddin (tiga kanan) bersama Abdullah (dua kanan) ketika melawat lokasi kejadian bencana geologi tanah runtuhan dan aliran puing di Gunung Jerai di Titi Hayun, hari ini.-

NSTP/LUQMAN HAKIM ZUBIR